

**TEKS UCAPAN  
Y.BHG. PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS MAKAN MALAM  
KONVENSYEN KEUSAHAWANAN TEKNIKAL WANITA (WTC)**

**2022**

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**16 Jun 2022, 8.00 Malam**

## **SALUTASI**

-seperti di lampiran

1. Sempena hari yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh keluarga UTeM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Toh Puan untuk hadir bersama-sama ke Majlis Makan Malam, Konvensyen Keusahawanan Teknikal Wanita (WTC) 2022.

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Bunga Kesidang dibawa ke Satun,  
Harum wanginya sampai ke sini;  
Terima kasih Tuan Yang Terutama Tun,  
Kerana serikan majlis pada malam ini.**

2. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan hadir pada Majlis Makan Malam ini, sesungguhnya amat bermakna buat seluruh keluarga UTeM. Bukan itu sahaja, saya turut ingin menyampaikan penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun dalam menaja meja pada malam ini bagi pelajar-pelajar B40 dan juga menaja hadiah kepada pelajar pada malam ini. Keprihatinan daripada Tuan Yang Terutama Tun sesungguhnya dapat menyemarakkan lagi keazaman seluruh keluarga UTeM untuk

terus gigih demi memastikan kelestarian dan kecemerlangan UTeM.

3. Saya juga mengambil kesempatan ini, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para pembeli meja. Untuk makluman semua, pembelian meja bagi Majlis Makan Malam ini bukan laku keras tetapi laku habis. Kami masih menerima panggilan daripada pihak yang ingin membeli meja walaupun jualan meja telah habis. Terima kasih diucapkan atas sokongan semua.

4. Tidak lupa juga kepada semua para tetamu yang sudi melapangkan masa untuk hadir bersama-sama pada Majlis

Makan Malam ini. Kehadiran hadirin dan hadirat sekalian amat kami alu-alukan dan pastinya dapat memeriahkan lagi Majlis Makan Malam WTC 2022.

**Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan,  
Hadirin dan Hadirat sekalian,**

5. Majlis Makan Malam WTC 2022 ini merupakan *Grand Dinner* pertama di UTeM setelah 2 tahun tidak dianjurkan kerana Penularan Wabak COVID-19. Majlis Makan Malam ini dianjurkan selaras dengan penganjuran WTC 2022 yang telah berlangsung selama 2 hari bermula semalam.

6. Untuk makluman Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan, pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang 2 hari penganjuran WTC 2022. Antaranya adalah *Women DNA* bersama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), *Women of Wisdom* bersama i-LEAD Kementerian Belia dan Sukan, dan Forum Meja Bulat membincangkan berkenaan dengan topik 'Usahawan Teknikal Wanita sebagai Penjana Kemakmuran: Di mana kita bermula?'. Diharapkan dengan penganjuran konvensyen ini akan dapat mendorong para peserta untuk menjadi seorang usahawan teknikal.

7. Pada hari pertama semalam, kita berjaya menghimpunkan lebih daripada 1,200 orang peserta. Mengikut urusetia, pada hari kedua pula kita berjaya menarik lebih daripada 1,600 orang peserta. Untuk makluman, peserta konvensyen majoritinya terdiri daripada pelajar-pelajar wanita dari UTeM, universiti awam yang lain, politeknik dan Kolej Komuniti. Konvensyen ini turut disertai oleh para usahawan wanita, ahli pertubuhan wanita, usahawan ibu tunggal, pegawai jabatan kerajaan, ahli akademik wanita, alumni wanita UTeM dan orang ramai.
8. Penganjuran Majlis Makan Malam ini pula dianjurkan sebagai satu platform untuk mengumpul dana (*fund raising*) dan bagi

tujuan kebajikan (*charity*) untuk kita sama-sama menyumbang dalam membantu pelajar-pelajar B40 di UTeM. Sesungguhnya sokongan daripada semua pada malam ini adalah amat bermakna kepada UTeM dalam sama-sama membantu pelajar-pelajar yang memerlukan.

**Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan,  
Hadirin dan Hadirat sekalian,**

9. Pada malam ini, kita akan dapat menyaksikan persembahan-persembahan daripada pelajar-pelajar UTeM. Sesungguhnya



pelajar-pelajar di UTeM bukan lah memberi fokus kepada pencapaian akademik semata-mata, tetapi juga terhadap kemahiran-kemahiran lain yang mampu menjadi nilai tambah kepada mereka di masa akan datang. Ini adalah selaras dengan Goal 2 Pelan Strategik UTeM – *Graduates of Choice*.

10. Bukan itu sahaja, pada malam ini kita turut akan menobatkan Ikon Keusahawanan Teknikal Wanita di mana Anugerah ini diberikan kepada usahawan wanita yang telah membuktikan pencapaian yang cemerlang di dalam bidang keusahawanan dan perniagaan dalam bidang teknikal.

11. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan jutaan penghargaan dan terima kasih di atas kelapangan masa Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan, semua dif-dif kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan untuk hadir bersama-sama di Majlis Makan WTC 2022.
12. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Jawatankuasa program yang komited dalam memastikan majlis ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Tidak lupa juga, ribuan terima kasih kepada pihak penaja di atas kesudian untuk turut terlibat di dalam penganjuran Majlis ini.



**Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Toh Puan,**

Sekian sahaja ucapan saya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin berterima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Toh Puan di atas kesudian hadir ke Majlis Makan Malam ini. Sesungguhnya

kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Toh Puan begitu besar ertinya buat kami semua.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyusun jari sepuluh memohon kemaafan kepada semua dif-dif kehormat dan tetamu makan malam WTC 2022 di atas sebarang kekurangan sepanjang konvensyen dan Majlis Makan Malam WTC 2022 berlangsung.

**Kalau ada jarum yang patah,  
Jangan disimpan di dalam peti.**

**Kalau ada silap sepatah,  
Jangan disimpan di dalam hati.**

Saya sudah ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.